A **SHAFIE ABDUL RAHMAN**

lwn.

CTOS SDN BHD

B MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUALA LUMPUR
SITI KHADIJAH SH HASSAN BADJENID PK
[GUAMAN SIVIL NO: S7-23-36-2006]
13 SEPTEMBER 2011

C ***TORT:*** *Fitnah - Libel - Penyiaran maklumat palsu menyebabkan plaintif mengalami kecederaan reputasi dan 'economic loss' - Sama ada maklumat 'defamatory' terhadap plaintif - Pembelaan justifikasi - Sama ada terpakai - Sama ada defendan cuai dalam menjalankan tanggungjawabnya sebagai sebuah syarikat yang mengumpul data dan*
D *menjual maklumat kredit seseorang - Sama ada defendan mempunyai kewajipan melaksanakan 'standard of care'*

Plaintif memulakan tindakan libel serta kecuaian terhadap CTOS Sdn Bhd (defendan) iaitu sebuah syarikat yang mengumpul data
E dan menjual maklumat kredit seseorang. Mengikut plaintif, dalam lengkongan bulan Mac hingga Januari 2005, berikutan daripada tindakan defendan dalam menerbit dan mencetakkan perkataan-perkataan dari pengkalan datanya mengenai plaintif, beliau telah mengalami kecederaan teruk terhadap kepercayaan, keperibadian
F serta reputasi dan terhadap kedudukannya atau pekerjaannya yang telah membawa kepada cemuhan dan penghinaan di kalangan pihak ketiga, masyarakat, majikan atau orang awam. Mengikut pliding dan keterangan plaintif lagi, dengan siaran tersebut kepada Affin Bank Berhad dan Bumiputra Commerce Berhad, beliau mengalami
G kecederaan 'economic loss' apabila permohonan beliau untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai pembelian satu unit servis apartmen telah ditolak oleh bank-bank tersebut. Plaintif juga menuntut bahawa defendan cuai kerana sebagai satu syarikat berprofesional, defendan gagal menjalankan tanggungjawabnya
H secara professional; memberi dan menerbit maklumat yang salah dan lama; gagal mengemaskini datanya mengenai plaintif secara efisien dan gagal mengambil sebarang langkah untuk memastikan datanya mengenai plaintif adalah terkini dan betul. Akibat dari libel/ fitnah dan kecuaian defendan beliau telah mengalami kecederaan
I dan kerugian besar. Menerusi pembelaannya, defendan menafikan segala dakwaan plaintif terhadapnya dan mengatakan maklumat yang disiarkan dan menjadi aduan plaintif adalah secara substan dan fakta benar dan tepat. Defendan mempli pembelaan justifikasi.

Diputuskan (membenarkan penghakiman kepada plaintif): A

(1) Plaintif mempertikaikan hak defendan untuk menyiarkan maklumat dirinya dengan menyimpan data yang lama dan mengulangi siarannya hingga ke tempoh material dengan itu tidak memberi gambaran benar mengenai dirinya. Keterangan B plaintif menunjukkan beliau telah melangsai hutangnya pada 18 Disember 2003. Walaupun selewat 5 April 2005 bilamana beliau memohon kepada defendan untuk mengeluarkan dari pengkalan data/laporannya perkataan-perkataan yang tidak tepat berkaitan dirinya, defendan masih enggan berbuat C demikian. Keterangan plaintif menunjukkan apa yang dikatanya iaitu dengan maklumat dirinya dalam pengertian biasa dan semulajadi (ordinary and natural meaning of words) bermaksud sejak 1 Julai 2002 sehingga bulan Mei 2005 beliau masih mempunyai notis kebankrapan ditujukan atas namanya; hampir D bankrap atau muflis; kedudukan kewangan plaintif adalah tidak teguh; dan adalah seorang yang tidak mempunyai kemampuan kredit untuk sesiapa memberi pinjaman kepadanya, yang mana semuanya adalah tidak benar dan menyebabkan kecederaan pada dirinya serta kehidupannya. Plaintif telah membuktikan E bahawa maklumat dalam laporan berkenaan sama ada secara langsung, tersirat mahupun implikasi memberi satu atau lebih makna yang adalah 'defamatory' terhadap plaintif. (perenggan 11-12 & 18)

(2) Mengikut pembelaan defendan, beliau tidak menanggung F sebarang liabiliti terhadap plaintif memandangkan beliau telah meletakkan klausa atau 'header' yang jelas bahawa maklumat tersebut tidak bermaksud untuk mengesahkan status notis kebankrapan plaintif dan sekiranya pembaca ingin mengetahui G kedudukan terkini bolehlah memeriksa dengan plaintif sendiri. Tetapi, ia didapati klausa tersebut adalah antara defendan dan pihak ketiga iaitu klien-klien defendan sendiri termasuk bank-bank yang membayar kepada defendan untuk maklumat tersebut. Tujuannya adalah untuk memelihara defendan dari H sebarang liabiliti bagi maklumat yang disediakan kepada kliennya. Ia tidak melindungi defendan daripada liabiliti terhadap plaintif yang adalah tuanpunya maklumat. Melihat pada tujuan dan hal keadaan maklumat perihal plantif disiarkan adalah jelas hasilnya merupakan imputasi yang tidak benar I terhadap reputasi plaintif. Pembelaan justifikasi tidak terpakai dalam situasi kes ini. (perenggan 28-30 & 37)

(3) Walaupun defendan tidak membayar apa-apa kepada plaintif sebagai empunya maklumat dalam pengkalan datanya, defendan bergantung atas maklumat-maklumat ini untuk menjana pendapatannya. Tanpa maklumat-maklumat tersebut, bisnes defendan akan lumpuh. Sehubungan dengan itu, dalam menjalani bisnesnya, ujud perhubungan atau pertalian yang begitu erat dan jitu antara defendan dengan individu-individu seperti plaintif dan ini adalah cukup untuk mengujudkan tanggungjawab untuk defendan berjaga-jaga supaya tindakannya tidak mendatangkan kecederaan kepada mereka. Defendan telah menerbitkan maklumat yang lama dan salah mengenai plaintif kerana kegagalan defendan mengemaskinikan datanya secara efisien. Adalah munasabah meletakkan tanggungjawab ke atas defendan untuk berjaga-jaga dan mengguna kemahiran dalam menjalankan urusan perniagaannya supaya dalam proses tersebut tidak mencederakan orang-orang yang dilibatkan bersama. (perenggan 49 & 51)

(4) Kegagalan defendan mengemaskini dan secara efisien (tiada perlakuan atau omission) khususnya menyiarkan maklumat plaintif yang bukan maklumat semasa (perlakuan) memberi gambaran tidak tepat yang dengan itu terjumlah kepada maklumat yang tidak benar menyebabkan plaintif kerugian apabila gagal mendapat bantuan kewangan dari bank-bank berkenaan. Kerugian yang dialami oleh plaintif merupakan kecederaan dalam bentuk 'economic loss' yang secara munasabahnya telah dapat dijangkakan. Ternyata defendan adalah cuai dalam tuntutan ini. Defendan sudah tentu mempunyai kewajipan untuk melaksanakan 'standard of care' serta kemahiran dalam urusannya supaya tidak mencederakan dan menjejaskan hak kebebasan asasi individu-individu negara ini. (perenggan 56)

(5) Berdasarkan rumusan imbangan kebarangkalian, keterangan yang ada adalah mencukupi untuk membuktikan telah berlaku libel/fitnah dalam bentuk siaran terhadap plaintif. Memandangkan kecederaan serta kesengsaraan yang dialami oleh plaintif, defendan diarahkan membayar gantirugi sebanyak RM200,000 kepada plaintif dengan faedah sebanyak 8% mulai dari tarikh penghakiman sehingga penyelesaian seluruh jumlah penghakiman. (perenggan 57)

Kes-kes yang dirujuk:
Blyth v. Birmingham Waterworks Co [1856] 11 Exch 781 ***(dirujuk)***
Donoghue v. Stevenson [1932] AC 562 ***(dirujuk)***
Hedley Byrne & Co Ltd v. Heller & Partners, Ltd [1963] 2 All ER 575 ***(dirujuk)***
Hj Salleh Hj Janan v. Financial Information Services Sdn Bhd; Affin-ACF Finance Bhd (Third Party) [2005] 1 CLJ 241 HC ***(dirujuk)***
Jones v. Skelton [1963] 3 All ER 958 ***(dirujuk)***
Kho Poh Teck v. Digi Telecommunications Sdn Bhd [2006] 2 CLJ 957 HC ***(dirujuk)***
Lee Chow Meng v. PP [1975] 1 LNS 80 HC ***(dirujuk)***
Majlis Perbandaran Ampang Jaya v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors [2006] 2 CLJ 1 FC ***(dirujuk)***
Murphy v. Brentwood District Council [1991] 1 AC 398 ***(dirujuk)***
Petroliam Nasional Bhd (Petronas) & Ors v. Khoo Nee Kiong [2003] 4 CLJ 303 HC ***(dirujuk)***
Stubbs, Limited v. Russel [1913] HL (Sc) 386 ***(dirujuk)***
Subramaniam v. PP [1956] 1 LNS 115 PC ***(dirujuk)***
Syed Husin Ali v. Sharikat Penchetakan Utusan Melayu Berhad & Anor [1973] 1 LNS 146 HC ***(dirujuk)***

Sumber-sumber yang dirujuk:
Gatley on Libel and Slander, edisi keenam, ms 4, 14, perenggan 4, 31

Bagi pihak plaintif - AG Kalidas; T/n K Nadarajah
Bagi pihak defendan - Ashok Kandiah (Thipajothi Ramani bersamanya); T/n Kandiah Partnership

Dilaporkan oleh Suhainah Wahiduddin

PENGHAKIMAN

Siti Khadijah Sh Hassan Badjenid PK:

[1] Plaintif Shafie bin Abd Rahman memulakan tindakan libel serta kecuaian terhadap defendan. Sehubungan dengan itu plaintif menuntut gantirugi dan injunksi.

[2] Fakta menunjukkan pada tahun 2005 plaintif memegang jawatan sebagai Eksekutif Kanan di Unit Perbangunan Gas, Petronas dan dipinjamkan sebagai Timbalan Setiausaha Eksekutif di Persatuan Gas Malaysia sebuah organisasi yang dinaungi oleh Petronas. Beliau telah melibatkan diri secara aktif dalam badan-badan amal dan telah dianugerahkan beberapa pingat kebesaran. Dalam memainkan peranan sebagai ahli gilir kepada Naib Presiden, Urusniaga Gas untuk Kesatuan Gas Antarabangsa bagi

jawatankuasa kerja, beliau juga berurusan dengan wakil-wakil dari syarikat gas antarabangsa semenjak tahun 2001 hingga 2003 dan masih mempunyai hubungan sehingga tahun 2005.

[3] Mengikut plaintif dalam lengkongan bulan Mac hingga Januari 2005 berikutan daripada tindakan defendan dalam menerbit dan mencetakkan perkataan-perkataan dari pengkalan datanya mengenai plaintif, beliau telah mengalami kecederaan teruk terhadap kepercayaan, keperibadian serta reputasi dan terhadap kedudukannya atau pekerjaannya yang telah membawa kepada cemuhan dan penghinaan di kalangan pihak ketiga, masyarakat, majikan atau orang awam.

[4] Mengikut pliding dan keterangan plaintif lagi dengan siaran tersebut dalam laporan No: 5724 200504516522 kepada Affin Bank Berhad dan Bumiputra Commerce Berhad beliau mengalami kecederaan yang merupakan stress dan 'economic loss' apabila permohonan beliau untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai pembelian satu unit servis apartmen yang dikenali sebagai Lot No 19-13 Parkview Service Apartment telah ditolak oleh bank-bank tersebut. Sehubungan dengan itu plaintif menuntut bahawa defendan cuai kerana sebagai satu syarikat berprofesional yang mengumpul data dan menjual maklumat kredit seseorang termasuk diri beliau defendan gagal menjalankan tanggungjawabnya secara professional; memberi dan menerbit maklumat yang salah dan lama; gagal mengemaskinikan datanya mengenai plaintif secara efisien dan gagal mengambil sebarang langkah untuk memastikan datanya mengenai plaintif adalah terkini dan betul. Akibat dari libel/fitnah dan kecuaian defendan beliau telah mengalami kecederaan dan kerugian besar.

[5] Dari penyataan plaintif yang tidak dipertikaikan dan dari keterangan yang dikemukakan ciri perniagaan defendan adalah menyediakan perkhidmatan cepat dan mudah data informasi kredit mengenai individu-individu dan syarikat secara elektronik. Sumber informasi adalah halaman awam seperti surat khabar, gezet kerajaan, pendaftar perniagaan dan sebagainya. Dua jenis maklumat yang disediakan adalah berkaitan presiding di mahkamah dan profil syarikat. Pelanggan defendan terdiri daripada institusi-institusi kewangan dan bank-bank. Untuk perkhidmatan ini defendan mengenakan bayaran. Menerusi pembelaannya defendan menafikan segala dakwaan plaintif terhadapnya dan mengatakan maklumat yang disiarkan dan menjadi aduan plaintif adalah secara substan dan fakta benar dan tepat. Dalam kata lain defendan memplid pembelaan justifikasi.

[6] Bagi maksud tuntutan ini pertamanya mahkamah mendapati bahawa dalam menjalankan urusan perniagaannya, maklumat mengenai plaintif ada tersimpan dalam pengkalan data defendan untuk diedarkan kepada pelanggan-pelanggannya melalui penerbitan ataupun siaran dan cetakan laporan. Walaupun tidak mengikat mahkamah ini, keputusan dalam *Petroliam Nasional Bhd (Petronas) & Ors v. Khoo Nee Kiong* [2003] 4 CLJ 303 ada persamaannya dengan fakta dalam kes ini dan sepertimana dikatakan di ms. 330:

> The transmission of a defamatory posting from the storage of a new server is in effect a publication of that posting to any subscriber who accesses that newsgroup containing that posting.

[7] Dari fakta kes mahkamah mendapati perkara asas yang menghubungi defendan dengan kliennya yang merupakan pihak ketiga dalam tuntutan ini termasuk bank-bank adalah penerbitan data informasi kredit secara siaran dan laporan melalui sistem perkhidmatan elektronik mengenai individu-individu dan syarikat, termasuklah plaintif. Butir-butir maklumat plaintif yang disimpan dalam pengkalan data defendan dan disiarkan kepada pelanggan-pelanggannya yang menjadi isu dalam tuntutan ini adalah seperti berikut:

BANKRUPTCY NOTICE ISSUED

SPECIAL REMARK :

NAME : SHAFIE BIN ABDUL RAHMAN (1C MATCH)

ALIAS :

1C NO : 4931243 NEW 1C 560412-03-5513

REMARK :

ADDRESS : 964, JLN SEROJA 3 CENDERING, K TRENGGANU

FIRM :

EXPARTE : RHB BANK JLN SULTAN ISMAIL, K. TRENGGANU

CASE NO : 29-438-2002 HIGH COURT K.TRENGGANU

NOTICE DATE : 1.7.02 BERITA HARIAN 17.1.03

PETITION DATE : HEARING DATE

ORDER DATE :

ANNULMENT/DISC :

AMOUNT :

SOLICITOR : KP ONG, TEO & LIM
101, 1ST FLOOR WISMA KAM CHOON,
JALAN DG TIONG REF:1068/94 SBB/LIA
20100 K. TRENGGANU
TEL: 096231636

[8] Fitnah atau libel dalam tuntutan ini adalah apabila defendan menyiarkan kepada pihak ketiga imputasi yang tidak benar mengenai reputasi plaintif. Dalam hal berkaitan undang-undang fitnah di Malaysia, setakat dan selain dari apa yang terkandung dalam Akta Fitnah, 1957 Common Law di England adalah terpakai. Dengan itu, dalam tuntutan libel adalah menjadi tanggungjawab plaintif melangsaikan bebannya dahulu dengan membuktikan bahawa perkataan-perkataan yang dimaksudkan dalam tuntutan ini adalah 'defamatory' terhadapnya. Jika ini berjaya dilakukan barulah timbul giliran defendan untuk membuktikan keadaan sebaliknya mengikut pembelaannya.

[9] Dalam *Gatley on Libel and Slander*, edisi keenam di ms. 4, para. 4 dikatakan:

> There is no wholly satisfactory definition of a defamatory imputation. Any imputation which may tend 'to lower the plaintiff in the estimation of right thinking members of society generally, to cut him off from society, or to expose him to hatred, contempt or ridicule,' is defamatory of him. An imputation may be defamatory whether or not it is believed by those to whom it is published.

[10] Dalam *Syed Husin Ali v. Sharikat Penchetakan Utusan Melayu Berhad & Anor* [1973] 1 LNS 146 Mohamed Azmi H (pada ketika itu) berkata:

> Thus, the test of defamatory nature of a statement is its tendency to excite against the plaintif the adverse opinion of others, although no one believes the statement to be true. Another test is: would the words tend to lower the plaintiff in the estimation of right-thinking members of society generally?

[11] Dalam tuntutan ini plaintif mempertikaikan hak defendan untuk menyiarkan maklumat dirinya dengan menyimpan data yang lama dan mengulangi siarannya hingga ke tempoh material dengan itu tidak memberi gambaran benar mengenai dirinya. Keterangan plaintif menunjukkan beliau telah melangsai hutangnya pada 18 Disember 2003. Walaupun selewat 5 April 2005 bilamana

beliau memohon kepada defendan untuk mengeluarkan dari pengkalan data/laporannya perkataan-perkataan yang tidak tepat berkaitan dirinya defendan masih enggan berbuat demikian. A

[12] Mengikut plaintif lagi keadaan kelihatan begitu buruk memandangkan walaupun terdapat bahagian 'remark/special remark' untuk diisi dan dilengkapi oleh defendan dalam laporan maklumatnya tetapi telah dibiarkan kosong oleh defendan. Dalam keadaan itu perkataan-perkataan tersebut jikapun benar pada hari dan tarikh ianya disiarkan dalam halaman awam maklumat mengenai beliau yang tidak dikemaskini dan bukan maklumat semasa merupakan petunjuk tidak benar pada plaintif dan memberi gambaran salah terhadap beliau apabila terus menerus berada di pengkalan data defendan, disiar dan diterbitkan bagi tempoh yang berpanjangan. Pada pandangan mahkamah maklumat diri plaintif pada laporan berkenaan merupakan imputasi yang tidak benar pada reputasi plaintif dan adalah 'defamatory'. B C D

[13] Bagi maksud menilai 'state of mind dan attitude' pihak defendan serta 'state of mind' saksi iaitu plaintif sendiri pada masa kejadian mahkamah telah menerima keterangan plaintif bahawa pada 5 April 2005 beliau telah pergi berjumpa dengan Cik Anna dan Encik Chung Tze Ken di syarikat defendan untuk menunjukkan kes plaintif dengan RHB Bank telah selesai tetapi defendan enggan mengemaskini pada pengkalan datanya atas alasan defendan tidak berurusan dengan orang-orang perseorangan. Peguam defendan membantah mahkamah menerimanya sebagai keterangan atas alasan ianya 'hearsay' memandangkan penama-penama yang disebut oleh plaintif tidak dipanggil sebagai saksi. Kes yang dirujuk kepada mahkamah oleh pihak pembelaan adalah *Subramaniam v. PP* [1956] 1 LNS 115. Dalam kes *Subramaniam* kenyataan yang menjadi isu datangnya dari seorang yang tidak dapat dikesan dan sehubungan dengan itu keterangannya tidak boleh diperiksa balas oleh pihak bertentangan. Dalam kes itu keterangan tersebut telah diterima oleh mahkamah semata-mata untuk membantu mahkamah menilai keadaan mental dan tingkah laku saksi pada masa relevan. E F G H

[14] Keadaannya berbeza dalam kes ini di mana defendan tidak mempertikaikan bahawa Cik Anna adalah pekerja beliau dan Encik Chung TK yang merupakan saudara lelaki beliau pula adalah Pengurus Besar di syarikatnya sendiri. Sebagai pekerja-pekerja defendan, dengan mudahnya mereka boleh hadir sebagai saksi-saksi I

defendan untuk mempertikaikan keterangan plaintif dan seterusnya diperiksa balas di mahkamah. Di samping itu disebabkan hubungan mereka dengan defendan dan dengan kes ini, pada pandangan mahkamah plaintif juga tidak dapat mengemukakan Cik Anna dan Encik Chung TK sebagai saksi-saksi yang berkecuali. Sehubungan dengan itu mahkamah tidak menganggap keterangan plaintif sebagai 'hearsay'. Namun demikian mahkamah tidak bergantung pada keterangan tersebut sahaja untuk mencapai keputusan dalam tuntutan ini.

[15] Satu lagi perkara yang perlu disebut adalah keterangan juga menunjukkan bahawa walaupun defendan mempunyai maklumat nama peguam, alamat dan nombor telefon Tetuan KP Ong Teo & Lim yang mengeluarkan Notis Kebankrapan bagi pihak RHB Bank terhadap plaintif tiada tindakan diambil oleh beliau untuk menghubungi peguam tersebut untuk mengemaskini maklumat plaintif.

[16] Berkaitan nilai keterangan yang diterima oleh mahkamah selain dari itu mengikut plaintif tindakan defendan telah menyebabkan permohonannya untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai pembelian satu unit apartment di lot no. 19-13, Parkview Service Apartment telah ditolak oleh Affin Bank Berhad dan Bumiputra Commerce Berhad melalui surat bertarikh 4 April 2005. Dalam hal ini mahkamah telah mengambil pengiktirafan kehakiman apabila plaintif memberi keterangan bahawa pegawai-pegawai Bank Affin iaitu Cik Azlina Mokhtar dan Encik Kamarulzaman memaklumkan bahawa penolakan permohonan plaintif disebabkan pencarian dengan CTOS menunjukkan bahawa notis kebankrapan telah dikeluarkan terhadap beliau.

[17] Dalam *Lee Chow Meng v. PP* [1975] 1 LNS 80 dikatakan:

> What matters constitute common and general knowledge may be gathered from *Sarkar on Evidence,* 12th Ed, where the learned author, speaking of common knowledge, at page 575, said 'The matter of which a court will take judicial notice must be subject of common and general knowledge. In other words, judicial knowledge of facts is measured by general knowledge of the same facts. A fact is said to be generally recognized or known when its existence or operation is accepted by the public without qualification or contention. The test is whether sufficient notoriety attaches to the fact involved as to make it proper to assume its existence without proof'.... We are not concerned with absolute acceptance of the existence of certain knowledge. The rule of

evidence speaks of general recognition and not total recognition in the sense that there is a general acceptance without qualification or contention as opposed to total acceptance.

[18] Pada pandangan mahkamah keterangan plaintif menunjukkan apa yang dikatanya iaitu dengan maklumat dirinya seperti yang dipamerkan di atas tadi dalam pengertian biasa dan semulajadi (ordinary and natural meaning of words) bermaksud sejak 1 Julai 2002 sehingga bulan Mei 2005 beliau masih mempunyai notis kebankrapan ditujukan atas namanya; tidak dapat dan tidak mampu membayar hutangnya; hampir bankrupt atau muflis; kedudukan kewangan plaintif adalah tidak teguh; adalah seorang yang tidak boleh dipercayai semasa berurusniaga dengannya; dan adalah seorang yang tidak mempunyai kemampuan kredit untuk sesiapa memberi pinjaman kepadanya, yang mana semuanya adalah tidak benar dan menyebabkan kecederaan pada dirinya serta kehidupannya.

[19] Mengikut Lord Morris dalam *Jones v. Skelton* [1963] 3 All ER di ms 958:

The ordinary and natural meaning of words may be either the literal meaning or it may be implied or inferred or an indirect meaning: any meaning that does not require the support of extrinsic facts passing beyond general knowledge but it is a meaning which is capable of being detected in the language used can be a part of the ordinary and natural meaning of words (see *Lewis v. Daily Telegraph, Ltd* [1963] 2 All ER 151). The ordinary and natural meaning may therefore include any implication or inference which a reasonable reader, guided not by any special knowledge and not fettered by any strict legal rules directs the court in its function of deciding whether it is open to a jury in any particular case to hold that reasonable persons would understand the words complained of in a defamatory sense.

[20] Daripada keterangan dan fakta yang ada di peringkat ini mahkamah mendapati plaintif telah membuktikan bahawa maklumat dalam laporan berkenaan sama ada secara langsung, tersirat mahupun implikasi memberi satu atau lebih makna yang adalah 'defamatory' terhadap plaintif.

[21] Di peringkat ini timbullah giliran defendan, dan pembelaan beliau adalah bahawa apa yang dikatakan dalam maklumat diri plaintif adalah benar. Ini adalah kerana menurut beliau, beliau telah mengekstrakkan maklumat-maklumat daripada satu notis penyampaian ganti berkenaan notis kebankrapan yang diisukan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Trengganu bernombor 29-438-2002

(selepas ini dirujuk sebagai 'notis kebankrapan tersebut') yang mana selaras dengan perintah penyampaian ganti yang dikeluarkan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Trengganu, telah diiklankan di akhbar Berita Marian bertarikh 17 Januari 2003 dan inilah yang dimasukkan dan disimpan dalam pengkalan data defendan.

[22] Mengikut defendan maklumat mengenai plaintif memberi maksud kepada seseorang yang munasabah bahawa bank RHB telah memperolehi penghakiman terhadap beliau dan sehubungan dengan itu telah mengeluarkan notis kebankrapan terhadapnya di Mahkamah Tinggi Kuala Trengganu. Pada pandangan defendan pengataan berkaitan tidak memberi maksud sepertimana yang diterima dan dikatakan oleh plaintif di para. 6 kenyataan tuntutan beliau.

[23] Dalam pembelaan seumpama ini mengikut Lord Kinnear dalam *Stubbs, Limited v. Russel* [1913] HL (Sc) 386 di ms. 391:

> ... All that is to the purpose to say upon this statement in defence at present is that the appellants cannot plead, as they might otherwise have done, that no action will lie for a mere statement made in a newspaper or elsewhere that a decree has passed in a public Court of justice, because that is a public fact which everybody is entitled to state ...

[24] Berhubung pembelaan sedemikian kata beliau di ms. 393:

> It is said that, although the language of the statement taken by itself may be harmless, a libellous character may nevertheless be given to it by evidence of extrinsic facts relating to the purpose or circumstances of the publication. I agree, and if there were any relevant averments of such facts, I should think the pursuer should be allowed to prove them ...

[25] Menarik perhatian mahkamah ini di ms. 395 dikatakan:

> Whether that doctrine was rightly applied or not in the particular case is a matter of no importance, because a decision as to the libellous or innocent character of particular words in particular circumstances cannot govern the construction of different words, however minute the difference may be.

[26] Bermaksud, bagi kes libel mahkamah yang membicara kes tidak tergantung pada keputusan kes seumpamanya, tetapi perlu membuat keputusan secara tersendiri bergantung pada kata-kata dan hal keadaan yang ujud dalam kes masing-masing tidak kira sekecil manapun perbezaan yang terdapat antara satu kes libel dengan yang lain.

[27] Selain dari itu mengikut pembelaan defendan berikutan penerbitan maklumat dari pengkalan datanya beliau tidak menanggung sebarang liabiliti terhadap plaintif memandangkan beliau telah meletakkan satu ungkapan klausa atau 'header' yang berbunyi seperti berikut:

> IMPORTANT: This report is confidential. Reproduction is prohibited. Report only indicates the information was published in the relevant source. It is NOT intended as confirmation of the current status of the case. For the case's current status, your further probe with the relevant parties is required. In cases of NAME MATCH or ALIAS MATCH you should check an identity confirmation from the relevant parties. Any judgment, order or action where indicated, could have subsequently been settled, quashed, rescinded, revoked, set aside, annulled, struck off or dismissed. Please check with the relevant authorities.

[28] Mengikut defendan tajuk pengataan tersebut adalah jelas pada seseorang pembaca yang munasabah bahawa maklumat tersebut tidak bermaksud untuk mengesahkan status notis kebankrapan plaintif dan sekiranya pembaca ingin mengetahui kedudukan terkini bolehlah memeriksa dengan plaintif sendiri jika perlu. Dengan itu adalah jelas bahawa ianya hanya bertujuan untuk mengesahkan bahawa maklumat yang terkandung dalam pengataan berkenaan telah diperolehi dari satu sumber yang relevan.

[29] Mengenai perkara ini mahkamah mendapati klausa tersebut adalah antara defendan dan pihak ketiga iaitu klien-klien defendan sendiri termasuk bank-bank yang membayar kepada defendan untuk maklumat tersebut. Tujuannya adalah untuk memelihara defendan dari sebarang liabiliti bagi maklumat yang disediakan kepada kliennya. Ini adalah keadaan dalam *Hedley Byrne & Co Ltd v. Heller & Partners, Ltd* [1963] 2 All ER 575 dimana disclaimer seperti ini terpakai, bukanlah antara defendan dan empunya maklumat yang diguna, tetapi antara pihak yang memberi maklumat (defendan) dengan yang mengguna maklumat tersebut (bank-bank berkenaan).

[30] Dalam kes di mahkamah ini didapati klausa atau 'header' nya tidak melindungi defendan daripada liabiliti terhadap plaintif yang adalah tuan punya maklumat, dan bukan penerima yang menggunapakai maklumat yang diberi oleh defendan.

[31] Selain dari itu mahkamah ini mendapati klausa tersebut diletakkan sepertimana kata-kata peribahasa Melayu semata-mata untuk 'melepas batuk ditangga', ataupun 'pulling the wool over someone's eyes'. Ini adalah memandangkan apa yang disebut dalam 'header' tersebut adalah bertentangan dengan janji-janji defendan kepada kliennya dalam risalahnya bahawa dua diantara tiga tugas dan amalan mereka meliputi: The verification and discovery processes during evaluation stages; keeping tab on the changes of credit risks profiles of customers.

[32] Di samping itu mahkamah juga ambil perhatian bahawa dalam klausa tersebut tampak jelas usaha defendan untuk melindungi dirinya sahaja daripada pihak yang mengguna maklumat yang disediakan tanpa langsung mengambil berat atau menghiraukan kebajikan pihak tuan punya maklumat. Keadaan yang ujud dalam kes ini berbeza sekali dengan apa yang dapat dilihat dalam kes-kes lain di mana perkara tersebut telah diambil kira secara serius oleh mahkamah dalam menentukan keputusan-keputusan kes. Sebagai contoh perkara ini dapat dilihat dalam kes-kes berikut:

[33] Dalam *Stubbs (supra)* yang melibatkan Stubbs Weekly Gazette (SWG) dimana terdapat kolum di bawah tajuk 'Black List' dan isunya hampir sama sepertimana dalam tuntutan ini. Dalam kes itu Stubbs mengaku tersalah siarkan berkenaan plaintif. Mengiringi siaran tersebut pula terdapat satu nota keterangan (klausa) bahawa siaran yang dibuat tidak sedikitpun menunjukkan plaintif tidak mampu untuk membayar. Di samping itu, berbeza dengan keadaan dalam kes ini, defendan dalam kes *Stubbs* ada menyebut bersekali dalam siaran tersebut, 'We are willing at all times to insert any authentic information or explanation relative to decrees, or to correct any inaccuracy of record or otherwise.' Seterusnya dalam siaran yang hanya seminggu selepas itu SWG menyiarkan penerangan bahawa siaran berkenaan plaintif itu merupakan satu kesilapan. Lord Kinnear dalam keputusannnya dalam kes tersebut berkata bahawa apabila dibaca dengan nota penerangan yang disertakan dalam keadaan itu telah tidak memberi makna yang 'defamatory' terhadap plaintif.

[34] Dalam *Hj Salleh Hj Janan v. Financial Information Services Sdn Bhd; Affin-ACF Finance Bhd (Third Party)* [2005] 1 CLJ 241 dalam 'header' kepada maklumat yang disiarkan berkaitan plaintif ada disebut, '... FIS shall use its best endeavours and efforts to ensure the accuracy of information supplied to the member, ... menunjukkan dayausaha untuk menjaga kesahehan, kebenaran maklumat yang disiarkan serta kebajikan plaintif oleh defendan.

[35] Dalam *Kho Poh Teck v. Digi Telecommunications Sdn Bhd* [2006] 2 CLJ 957; [2006] 6 MLJ 349 diputuskan dalam Held 1, 'The plaintiff was in fact asking the court to pre-empt a speculative strike by the defendant who had after being informed by the plaintiff of the wrongful suit withdrew the summons in the magistrate court. The fact that the defendant had withdrawn the summons in the magistrate court implied that the plaintif had been wrongly sued and it could be reasonably assumed by the court for all intents and purposes the defendant had given up in enforcing the purported agreement ...'

[36] Walhal, dalam kes di hadapan mahkamah ini apabila plaintif pergi ke syarikat defendan untuk memaklumkan berkenaan mala petaka yang telah menimpa dirinya akibat siaran oleh defendan dan minta maklumat dikemaskini plaintif dimaklumkan bahawa pihaknya tidak berurusan dengan orang perseorangan.

[37] Dalam tuntutan ini walaupun maklumat yang disiarkan mengenai plaintif adalah '*per se*' benar pada 17 Januari 2003 namum demikian semasa berada dalam pengkalan data defendan dan terus disiarkan tanpa dikemaskini maklumat yang sama tidak lagi memberi gambaran tepat sebaliknya memberi gambaran negatif mengenai 'credit worthiness' plaintif pada masa permohonan pinjamannya dipertimbangkan. Sekali lagi sepertimana yang dipersetujui oleh Lord Kinnear dalam *Stubbs (supra)* di ms. 393, 'although the language of the statement taken by itself may be harmless, a libellous character may nevertheless be given to it by evidence of extrinsic facts relating to the purpose or circumstances of the publication.' Dalam tuntutan ini melihat kepada tujuan dan hal keadaan maklumat perihal plaintif disiarkan adalah jelas pada mahkamah hasilnya merupakan imputasi yang tidak benar terhadap reputasi plaintif. Pada pandangan mahkamah pembelaan justifikasi tidak terpakai dalam situasi kes ini.

[38] Sepertimana yang dikatakan oleh Gatley dalam bukunya (*supra*) di ms. 14 para 31:

> A defamatory imputation is one to a man's discredit, or which tends to lower him in the estimation of others, or to expose him to hatred, contempt or ridicule, or to injure his reputation in his office, trade or profession, or to injure his financial credit. The standard of opinion is that of right-thinking persons generally. To be defamatory an imputation need have no actual effect on a person's reputation; the law only looks to its tendency.

[39] Pada pandangan mahkamah sebagai seorang yang berkedudukan tinggi dalam masyarakat keterangan menyokong tegasan plaintif bahawa beliau telah mengalami kecederaan terhadap kepercayaan, keperibadian, reputasinya dan terhadap kedudukannya atau pekerjaannya yang telah membawanya kepada cemuhan, 'odium' dan penghinaan di kalangan pihak ketiga, masyarakat, majikan atau orang awam. Mengikut plaintif akibatnya beliau telah mengalami tekanan mental dan stress. Tindakan mahkamah oleh plaintif telah dimulakan pada tahun 2006 dan hanya pada 18 Julai 2007 pengkalan data defendan di kemaskini oleh defendan.

[40] Dari aspek kecuaian pula mengikut plaintif sehubungan dengan siaran tersebut kepada Affin Bank Berhad dan Bumiputra Commerce Berhad beliau mengalami kecederaan yang merupakan stress dan 'economic loss' apabila permohonan beliau untuk mendapatkan pinjaman bagi membiayai pembelian satu unit servis apartmen telah ditolak oleh bank-bank tersebut. Defendan dikatakan telah lalai atau cuai secara salah dan berniat jahat dengan tidak mengemaskini dan memastikan data mengenai plaintif dalam pengkalan datanya adalah yang terkini dan betul pada masa ianya diterbitkan atau diberi kepada pelanggannya.

[41] Mengikut plaintif defendan cuai kerana sebagai satu syarikat berprofesional yang mengumpul data dan menjual maklumat kredit seseorang termasuk plaintif, defendan telah gagal menjalankan tanggungjawabnya secara professional; memberi dan menerbit maklumat yang salah dan lama; gagal mengemaskinikan datanya mengenai plaintif secara efisien dan gagal mengambil sebarang langkah untuk memastikan datanya mengenai plaintif adalah terkini dan betul. Akibat dari kecuaian defendan, plaintif mengatakan beliau mengalami kecederaan, 'economic loss' dan secara keseluruhannya kerugian besar. Sepertimana yang dikatakan oleh Lord Morris Borth-y-Gest dalam *Medley Byrne (supra)* bahawa tidak ada sebab untuk membezakan kecederaan yang disebabkan oleh ketergantungan pada perkataan daripada kecederaan yang disebabkan oleh ketergantungan pada keselamatan oleh kapal di atas pelantar atau ketergantungan pada keselamatan dari penggunaan kandungan pembersih rambut atau dari penggunaan sebotol bir halia (ginger beer).

[42] Berhubungan dengan isu kecuaian mengikut Lord Atkin dalam *Donoghue v. Stevenson* [1932] AC 562 di ms. 580 dan yang tidak asing lagi bagi kita:

> One must take reasonable care to avoid acts or omissions which he can reasonably foresee would be likely to injure other persons who are so closely and directly affected by his acts or omissions that he ought reasonably to have them in contemplation as being so affected when he is directing his mind to the acts or omissions. This is the criteria in determining whether a duty of care existed.

[43] Dalam hal-hal berkenaan 'perlakuan' (acts) dan/atau 'tiada perlakuan' (omissions) seperti yang tersebut dalam kes di atas apa yang terjumlah kepada perlanggaran (breach) berkaitan hal kecuaian jelas diperkatakan dalam dictum Baron Alderson dalam *Blyth v. Birmingham Waterworks Co* [1856] 11 Exch 781 di ms. 784 seperti berikut:

> The omission to do something which a reasonable man, guided upon considerations which ordinarily regulate the conduct of human affairs, would do, or doing something which a prudent and reasonable man would not do.

[44] Mengenai hal kecuaian, kecederaan termasuk 'economic loss' dan ujian tanggungjawab untuk berjaga-jaga seperti yang timbul dalam tuntutan ini, dalam *Majlis Perbandaran Ampang Jaya v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors* [2006] 2 CLJ 1 Steve Shim HB (Sabah & Sarawak) turut berkata:

> Under English law, the general duty of care test enunciated in *Caparo Industries Pic v. Dickman* [1990] 2 AC 605 is applicable to all negligence claims, including claims for pure economic loss. Pursuant to this test, three questions have to be addressed, namely, whether the damage suffered by the plaintiff is reasonably foreseeable; whether there is relationship of proximity between the plaintiff and the defendant; and whether it is fair and reasonable that the defendant should owe the plaintiff a duty of care.

[45] Jadi sama ada berlaku kecuaian dalam tuntutan yang sedang dibicarakan ini mahkamah perlu tentukan: sama ada kecederaan yang bakal menimpa plaintif dapat diramalkan; sama ada ujud kedekatan pertalian antara plaintif dan defendan; sama ada munasabah atau tidak meletakkan tanggungjawab berkenaan atas defendan; sama ada berlaku perlanggaran yang dimaksudkan bersesuaian dengan fakta kes ini; dan sama ada perlanggaran tersebut telah menyebabkan kecederaan kepada plaintif yang mengikut fakta kes ini berbentuk 'economic loss'.

A **Mengenai Sama Ada Kecederaan Yang Bakal Menimpa Plaintif Dapat Diramalkan**

[46] Selain dari keterangan plaintif, terdapat keterangan DW1 yang adalah Pegawai Eksekutif Kanan (CEO) defendan iaitu
B defendan sendiri, menguatkan lagi fakta bahawa institusi kewangan termasuk Affin Bank dan Bank of Commerce merupakan klien-klien defendan. Dalam tuntutan ini CTOS iaitu defendan memberi jaminan kepada bank-bank tersebut melalui risalahnya (ms. 25 ikatan dokumen B) janji-janji mengenai objektif dan peranannya
C seperti berikut:

> Do More and Do Better Business. CTOS Net enhances effectiveness and efficiency to the 3 basic credit processes we call EMR:
>
> D Evaluate: The verification and Discovery processes during evaluation stages;
>
> Monitor: Keeping tab on the changes of credit risks profiles of customers; and
>
> E Recover: Protection of capital invested where customers defaults.

[47] Maklumat plaintif yang diberi oleh defendan kepada kliennya iaitu bank-bank tersebut merupakan jaminan bahawa defendan boleh bergantung atas maklumat yang diberi oleh defendan bagi
F maksud menimbang 'credit worthiness' plaintif untuk menentukan sama ada sesuai atau tidak diberi fasiliti kredit oleh bank-bank tersebut. Dalam keadaan maklumat mengenai plaintif tidak dikemaskini dan bukan maklumat semasa sudah tentu ianya memberi gambaran negatif yang tidak tepat dan tidak betul dan
G tentunya dapat diramalkan dengan maklumat tersebut permohonan plaintif untuk mendapat bantuan fasiliti kredit dari bank-bank tersebut akan gagal.

Mengenai Sama Ada Ujud Kedekatan Pertalian Antara Plaintif Dan Defendan

H

[48] Sepertimana yang dikatakan dalam *Murphy v. Brentwood District Council* [1991] 1 AC 398 Lord Bridge berkata;

> But it is not recoverable in tort in the absence of a special relationship or proximity imposing on the tortfeasor a duty to
I safeguard the plaintiff from economic loss.

[49] Dalam kes di mahkamah ini maklumat plaintif di simpan dalam pengkalan data defendan selama bertahun-tahun. Walaupun defendan tidak membayar apa-apa kepada plaintif sebagai empunya maklumat dalam pengkalan datanya defendan bergantung atas maklumat-maklumat ini untuk menjana pendapatannya yang menghampiri sejuta RM sebulan. Tanpa maklumat-maklumat tersebut bisness defendan akan lumpuh. Sehubungan dengan itu dalam menjalani bisnesnya ujud perhubungan atau pertalian yang begitu erat dan jitu antara defendan dengan individu-individu seperti plaintif dan ini adalah cukup untuk mengujudkan tanggung jawab untuk defendan berjaga-jaga supaya tindakannya tidak mendatangkan kecederaan kepada mereka. Keadaannya berbeza dalam *Medley Byrne (supra)* dimana defendan adalah bank yang jelasnya memberi maklumat pelanggannya (Easipower, Ltd) kepada pihak lain (sebuah merchant bank) yang tiada kena mengena (tiada kedekatan pertalian) dengan defendan tetapi berminat untuk mengetahui 'credit worthiness' pelanggan defendan untuk dipertimbangan bagi maksud tertentu.

Mengenai Sama Ada Munasabah Atau Tidak Meletakkan Tanggung Jawab Berkenaan Atas Defendan

[50] Sepertimana dalam *Stubbs (supra)* Lord Kinnear berkata di ms 391:

> But I observe in passing that people who follow such a business as was undertaken by the appellants impose upon themselves a duty of care and circumspection, because they have taken the reputation and credit of their neighbours into their own hands, and it will be no answer to any well-grounded complaint of injury through misrepresentation of fact that they have misunderstood the import of entries in the Sheriff's Court books, or that the entries themselves were misleading …

[51] Sepertimana disebut di atas defendan telah tanpa kebenaran bergantung atas maklumat-maklumat reputasi plaintif untuk kepentingan perniagaannya. Sebagai satu syarikat berprofesional yang mengumpul data dan menjual maklumat kredit seseorang termasuk plaintif sepatutnya defendan menjalankan tanggungjawabnya secara professional. Dalam kes ini jumlah terhutang oleh plaintif telah lama dilangsaikan namun demikian dengan mengambil jalan mudah defendan telah menerbit maklumat yang lama dan salah. Keadaan ini timbul kerana defendan gagal mengemaskini datanya mengenai plaintif secara efisien dan gagal

mengambil sebarang langkah untuk memastikan datanya mengenai plaintif adalah terkini dan betul. Pada pandangan mahkamah dalam keadaan sedemikian adalah munasabah meletakkan tanggungjawab ke atas defendan untuk berjaga-jaga dan mengguna kemahiran dalam menjalankan urusan perniagaannya supaya dalam proses tersebut tidak mencederakan orang-orang yang dilibatkan bersama.

Sama Ada Berlaku Perlanggaran Yang Dimaksudkan Bersesuaian Dengan Fakta Kes Ini

[52] Keterangan menunjukkan bahawa defendan mempunyai ramai klien dan penghasilan pendapatannya yang begitu lumayan. Keterangan adalah mencukupi untuk menunjukkan ketergantungan kliennya pada maklumat yang disediakan oleh defendan dari pengkalan datanya.

[53] Dari keterangan yang dikemukakan tiada apa yang dilakukan oleh defendan untuk melaksanakan tanggung jawabnya mengikut janjinya dengan hati-hati sekadar yang munasabah. Inilah keadaannya walaupun maklumat yang diperolehi dari CTOS (defendan) digunakan untuk menilai 'credit worthiness' plaintif dalam keadaan semasa bagi tujuan menentukan samada permohonan pinjaman plaintif dibenarkan atau tidak. Pada pandangan mahkamah perlanggaran seperti yang dimaksudkan oleh Baron Alderson dalam Blyth *(supra)* (seperti yang disebut di atas tadi) adalah bersesuaian dengan fakta kes ini.

Mengenai Sama Ada Perlanggaran Tersebut Telah Menyebabkan Kecederaan Kepada Plaintif Yang Mengikut Fakta Kes Ini Merupakan 'Economic Loss'

[54] Kaitan yang ujud antara defendan dan plaintif menyebabkan tindakan defendan dalam urusan perniagaannya akan sentiasa membabit dan melibatkan plaintif.

[55] Pada pandangan mahkamah kegagalan defendan mengemas kini data secara efisien (tiada perlakuan atau omission) khususnya menyiar maklumat plaintif yang bukan maklumat semasa (perlakuan) memberi gambaran tidak tepat yang dengan itu terjumlah kepada maklumat yang tidak benar menyebabkan plaintif kerugian apabila gagal mendapat bantuan kewangan dari bank-bank berkenaan. Berdasarkan fakta khusus kes ini kerugian yang dialami oleh plaintif merupakan kecederaan dalam bentuk 'economic loss' yang secara munasabahnya telah dapat dijangkakan.

[56] Dari keterangan yang ada ternyata defendan adalah cuai dalam tuntutan ini. Selain daripada bagi tujuan melaksanakan keperluan undang-undang seperti penyampaian ganti notis kebankrapan melalui iklan surat khabar ataupun urusan negara yang dilakukan dengan hati-hati dan penuh tanggung jawab, kebebasan mana-mana individu menjalankan perniagaan yang melibatkan individu lain dalam urusan perniagaannya, lebih-lebih lagi tanpa kebenaran individu tersebut, sudah tentu mempunyai kewajipan untuk melaksanakan "standard of care" serta kemahiran dalam urusannya supaya tidak mencederakan dan menjejaskan hak kebebasan asasi individu-individu lain itu yang sama-sama bernaung di bawah perlembagaan negara.

[57] Sehubungan dengan itu dan berdasarkan rumusan imbangan kebarangkalian mahkamah mendapati keterangan yang ada adalah mencukupi untuk membuktikan telah berlaku libel/fitnah dalam bentuk siaran terhadap plaintif. Keterangan juga menyokong/ 'support' tegasan plaintif yang mengatakan, "As a result of the defendant's publication of the defamatory words, I suffer loss, humiliation and stress. As a Senior Executive in PETRONAS, I have been tainted with embarrassment and bad reputation in the eyes of financial institutions, society, colleagues and public following the failure of the defendant to keep proper records". Keterangan juga membuktikan defendan telah cuai dalam tuntutan ini hingga menyebabkan 'economic loss' kepada plaintif.

[58] Memandangkan kecederaan serta kesengsaraan yang dialami oleh plaintif mahkamah telah mengarahkan supaya defendan membayar gantirugi sebanyak RM200,000 kepada plaintif dengan faedah sebanyak 8% mulai dari tarikh penghakiman iaitu 15 Julai 2011 sehingga penyelesaian seluruh jumlah penghakiman.

[59] Penghakiman telah dibenarkan kepada plaintif dengan kos.